

## TAHAP KESEDIAAN PELAJAR PERAKAUNAN KE ARAH MENJADI AKAUNTAN BERTAULIAH

Nabihah Adnan <sup>1</sup>  
Halimah Harun <sup>2</sup>

### Abstrak

*Seramai 60,000 akauntan bertauliah yang ingin dihasilkan menjelang tahun 2020 merupakan salah satu agenda negara. Antara inisiatif yang diusahakan oleh kerajaan adalah menjalinkan kerjasama antara badan-badan profesional dengan institusi pendidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti tahap kesediaan pelajar dari segi sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran pelajar perakaunan ke arah menjadi akauntan bertauliah. Hal ini disebabkan bilangan akauntan bertauliah pada masa kini masih tidak dapat memenuhi keperluan semasa walaupun bidang perakaunan telah lama wujud dalam pendidikan di Malaysia sejak tahun 1920. Sampel untuk kajian ini seramai 92 orang dipilih secara rawak iaitu terdiri daripada 270 jumlah populasi pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Oleh itu, hasil dapatan kajian mendapati tahap kesediaan pelajar perakaunan adalah sederhana dan tinggi ke arah menjadi akauntan bertauliah namun tidak mempunyai hubungan dengan pemilihan kerjaya mereka. Kini, bidang pendidikan menjadi fokus utama meningkatkan tahap kesediaan para pelajar perakaunan menjurus ke arah pembentukan tenaga kerja yang profesional dan memenuhi standard antarabangsa.*

**Kata Kunci:** Tahap Kesediaan, Program Perakaunan, Akauntan Bertauliah

### Abstract

*A total of 60,000 qualified accountants to be produced by 2020 is one of the nation's agenda. Among the initiatives undertaken by the government with the collaboration between professional bodies with educational institutions. Therefore, this study aimed to identify the level of preparedness of students in terms of attitudes, interests, knowledge and skills in accounting to become a chartered accountant. Nowadays, still can not meet the current needs of even the accounting field have long existed in education in Malaysia since 1920. The sample for this study were randomly selected had 92 of the 270 total student from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Therefore, the results of the study found that the level of readiness of accounting students is medium and high towards becoming a chartered accountant but no relationship with their career choice. Now, education is the main focus in increasing the level of readiness of students of accounting towards the formation of a professional workforce and meet international standards.*

**Keywords:** Level Readiness Program, Accounting, Chartered Accountants

2017 GBSE Journal

<sup>1</sup> Pelajar, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Tel: +60149354847 E-mail: nabihahadnan@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, E-mail: imah@ukm.edu.my

## Pengenalan

Pendidikan perakaunan telah lama bermula di Malaysia melalui penubuhan sekolah perdagangan. Sehingga kini, bidang perakaunan masih wujud dan dipelajari oleh pelajar pada peringkat menengah hingga peringkat tertiar. Hal ini menunjukkan pendidikan perakaunan telah lama diperkenalkan, yang mana banyak institusi pengajian yang menawarkan bidang pengkhususan ini samada di dalam mahupun luar negara. Di Malaysia, anggaran keseluruhan bilangan universiti awam (UA) dan universiti swasta (US) adalah 504 buah kesemuanya (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Jika hanya memfokuskan kepada universiti yang terkenal dengan bidang perakaunan seperti UITM dan UUM sahaja telah menghasilkan ramai lepasan graduan daripada bidang perakaunan apatah lagi lepasan dari universiti lain. Jumlah ini menunjukkan lepasan graduan yang mengambil bidang perakaunan adalah terlalu ramai sejak lebih seabad lalu.

Namun begitu, sehingga kini jumlah akauntan bertauliah yang dapat dilahirkan di Malaysia masih tidak dapat memenuhi kehendak pasaran. Perkara ini juga tidak seiring dengan matlamat Malaysia menjelang tahun 2020 bagi mencapai target jumlah akauntan bertauliah seramai 60,000 orang. Ini disebabkan oleh, maklumat yang diperolehi pada tahun 2015 terdapat 30,000 profesional perakaunan di Malaysia, dan hanya 28 peratus daripadanya adalah akauntan bertauliah (Bernama, 2015). Jika dilihat perbezaan antara jumlah sedia ada dan jumlah yang ingin dicapai masih ketinggalan jauh serta masih tidak dapat memenuhi permintaan yang dipacu bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang stabil dan kukuh. Perkara ini seharusnya tidak terjadi kerana bilangan akauntan bertauliah yang boleh dihasilkan adalah bergantung kepada kapasiti pelajar bagi setiap jurusan, keperluan dan kehendak semasa dalam memenuhi tuntutan global.

Sehubungan dengan itu, usaha murni untuk meningkatkan bilangan dan taraf akauntan profesional di negara ini perlu memfokuskan graduan dari universiti tempatan terutama universiti awam dan swasta. Lebih-lebih lagi golongan bumiputera yang majoritinya masih tidak mempunyai kelayakan profesional akan dapat dilaksanakan dengan kerjasama antara universiti dan badan professional seperti *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA), Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW), Institut Akauntan Pengurusan Bertauliah (CIMA), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Akauntan Awam Bertauliah (CPA). Kerjasama ini telah dilaksanakan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Shah Alam dengan membuat pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp), UiTM dan dua badan perakaunan profesional bagi menggesa dan menggalak lebih ramai graduan perakaunan mendapatkan kelayakan perakaunan profesional (Bernama, 2015).

Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan jumlah akauntan bertauliah tetapi tahap kesediaan dalam diri pelajar juga perlu seiring dengan usaha tersebut. Ini disebabkan oleh, tahap kesediaan atau kata dasarnya adalah 'sedia' merupakan elemen yang penting untuk menjadi galakan kepada pelajar kerana persediaan para pelajar yang akan membantu dalam pemilihan kerjaya sebagai akauntan bertauliah setelah tamat pengajian kelak. Dalam masa yang sama, matlamat Malaysia ke arah menghasilkan jumlah akauntan bertauliah yang dikehendaki menjelang tahun 2020 akan turut tercapai. Ini adalah berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Suhaili (2015), kesediaan seseorang adalah bergantung kepada individu itu sendiri dalam melakukan sesuatu yang diinginkan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Manakala, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Khairul Anwar (2014) pula, kesediaan seseorang dalam mencapai sesuatu tahap yang telah ditetapkan untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan atau tugas yang berkesan, yang mana keadaan tersebut amat bergantung kepada kematangan dan pengalaman seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara.

Selain itu, kajian tentang persepsi pelajar perakaunan yang dijalankan oleh Mazlina dan Mohammad Hasmawi (2012) yang bertajuk ‘Accounting Students’ Perception on Pursuing Professional Examination’. Persepsi pelajar terhadap peperiksaan profesional juga memainkan peranan penting dalam melahirkan akauntan bertauliah. Aspek kelayakan profesional perlu dimiliki oleh graduan perakaunan serta diambilkira selain mendapat pencapaian yang baik. Ini disebabkan oleh, dalam kajian Wiwik, Diaz dan Tubagus (2011) menyatakan graduan yang memiliki Professional Accounting Education (PAE) mempunyai tahap kompetensi kerana peluang bagi graduan tersebut adalah lebih cerah berbanding graduan yang tidak memiliki kelayakan tersebut. Ini menunjukkan kelayakan profesional yang diperolehi membantu seseorang graduan memperoleh pekerjaan yang lebih baik dan diberi peluang yang istimewa oleh majikan. Kepentingan profesion ini juga dapat dilihat dalam sesebuah negara lebih-lebih lagi dalam sektor awam atau kerajaan. Oleh itu, perkara tentang peranan akauntan bertauliah dalam sektor kerajaan juga ada dinyatakan dalam kajian Che Ruhana, Zakiah dan Ruzita (2011) berkenaan ‘*Commitment to Change Among Government Accountants in Malaysia*’.

Berdasarkan kajian tersebut pembaharuan ketara yang berlaku dalam sektor awam Malaysia dalam struktur dan aktiviti yang dijalankan menjadi lebih kompleks dan memberi kesan kepada pentadbiran dan kewangan sektor. Ini jelas menunjukkan peranan akauntan bertauliah dalam sesebuah organisasi amat penting. Akauntan bertauliah atau “C.A.(M)” adalah gelaran yang dianugerahkan oleh Institut Akauntan Malaysia (IAM) kepada golongan profesional dalam perakaunan, perniagaan dan kewangan dengan kelayakan perakaunan yang diiktiraf serta pengalaman kerja yang relevan (Institusi Akauntan Malaysia, 2011). Hal ini dinyatakan secara terperinci dalam kajian yang dijalankan oleh Hashanah, Mazlina dan Badriyah (2014) tentang ‘*The regulation of accounting education in malaysia : professionalisation of academia and academisation of the profession*’, yang mana menyatakan pengawalan dalam menghasilkan akauntan yang memiliki kelayakan profesional perlu dilihat semula agar akauntan yang dihasilkan mengikut spesifikasi yang diperlukan dan tidak hanya memfokus kepada penghasilan bilangan akauntan yang banyak tetapi tidak mempunyai kelayakan yang sepatutnya.

Justeru itu, kejayaan untuk menjadi sebuah negara perindustrian dan maju sepenuhnya, yang mana bukan sahaja dalam bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi serta perpaduan nasional memerlukan generasi muda yang memiliki kesediaan dari pelbagai aspek (Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan, 2009). Selain itu, berdasarkan Pelan Strategik Interim KPM (2011-2020), pendidikan yang diberikan dapat melahirkan golongan profesional yang lebih ramai termasuk bumiputera dan bukan bumiputera untuk merealisasikan aspirasi negara tersebut. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap kesediaan dari aspek minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran pelajar perakaunan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke arah menjadi akauntan bertauliah. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan menerangkan tinjauan literatur, metodologi, dapatan kajian, perbincangan serta seterusnya kesimpulan dan cadangan.

## **Metodologi**

Kajian ini merupakan suatu tinjauan mengenai tahap kesediaan pelajar perakaunan ke arah menjadi akauntan bertauliah. Pengumpulan data dibuat melalui pengedaran soal selidik secara rawak kepada pelajar perakaunan dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang sedang mengikuti pengajian semester akhir. Pemilihan ini dibuat bagi membolehkan pengkaji mendapat gambaran jelas berkaitan tahap kesediaan pelajar dari aspek sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran ke arah menjadi akauntan bertauliah. Sampel ini dipilih kerana pelajar yang mengikuti program perakaunan mempunyai potensi ke arah menjadi akauntan bertauliah serta jumlah sampel ini sesuai untuk menjawab

soal selidik tentang tahap kesediaan dan perancangan mereka setelah tamat pengajian. Oleh itu, jumlah sampel yang dipilih oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini adalah 92 orang pelajar yang diperolehi daripada populasi kajian iaitu seramai 270 yang merangkumi anggaran keseluruhan pelajar perakaunan semester akhir di UKM. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk set soal selidik. Manakala, soalan-soalan yang terdapat didalam soal selidik kajian ini telah diadaptasikan daripada kajian Mazlina dan Mohammad Hasmawi (2012) yang bertajuk '*Accounting Students' Perception on Pursuing Professional Examination*' serta kajian Tay Meng Guat, Kirar ak Sare dan Litat Bilung (2015) berkaitan Kesediaan Pelajar Institut Pendidikan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

Borang soal selidik pelajar digunakan untuk mengukur beberapa faktor meliputi data peribadi pelajar, perancangan pelajar dan tahap kesediaan pelajar dari aspek sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran, yang mana berkaitan dengan tujuan kajian yang dijalankan. Set soal selidik yang dikemukakan di bahagian C dalam kajian ini berdasarkan Skala Likert 5 pemeringkatan yang mengandungi lima skala iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), setuju (S) sangat setuju (SS). Selain itu, data kajian yang diperolehi akan dikutip, dianalisis dan dilapor dalam bentuk taburan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan nilai kolerasi melalui perisian SPSS. Penentu tahap kesediaan berdasarkan skala Likert 5 mata telah dibahagikan kepada 3 kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Dapatan daripada tahap kesediaan juga digunakan untuk menguji hubungan antara tahap kesediaan pelajar dengan pemilihan kerjaya sebagai akauntan bertauliah dalam kalangan pelajar perakaunan.

## **Dapatan kajian**

Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji mengambil dapatan daripada borang soal selidik. Berdasarkan dapatan yang diperolehi dalam bahagian A, responden yang menjawab terdiri daripada 19 lelaki dan 73 perempuan. Manakala daripada kesemua responden berbangsa melayu, 89 adalah bujang dan 3 orang sudah berkahwin. Dapatan CGPA responden pula 2.50-2.99 (37 orang), 3.00-3.49 (51 orang) serta 2 orang mendapat 0.00-2.49 dan 3.50-4.00. Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang diperolehi bagi menjawab persoalan kajian berikut :

### **a. Apakah tahap kesediaan pelajar perakaunan dari aspek sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran ke arah menjadi akauntan bertauliah ?**

Hasil dapatan yang diperolehi untuk menjawab persoalan kajian bagi setiap aspek dengan menggunakan nilai min dan sisihan piawai. Ini dapat menunjukkan tahap kesediaan pelajar dari aspek sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran ke arah menjadi akauntan bertauliah. Jadual di bawah menunjukkan dapatan bagi nilai min yang tinggi, sederhana dan rendah yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah dijawab oleh pelajar UKM.

i. Sikap

Jadual 1  
 Taburan Darjah Persetujuan Responden Bagi Bahagian C (i)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
1	Saya percaya peperiksaan perakaunan profesional tidak sukar.	20.7	28.3	39.1	9.8	2.2	2.45	0.999
2	Saya percaya bidang perakaunan adalah satu bidang profesional yang sangat menarik berbanding dengan bidang lain.	0	0	2.2	66.3	31.5	4.29	0.504
3	Lulusan peperiksaan professional akan dibayar gaji yang lebih tinggi daripada lulusan ijazah selepas tamat pengajian.	0	3.3	5.4	46.7	44.6	4.33	0.728
4	Gaji yang tinggi adalah faktor utama saya mengapa saya memilih untuk meneruskan kelayakan profesional selepas saya menamatkan pengajian.	1.1	9.8	21.7	43.5	23.9	3.79	0.955
5	Pemegang kelayakan profesional mendapat kelebihan berbanding pemegang ijazah.	0	2.2	12.0	50.0	35.9	4.20	0.730
6	Saya akan meneruskan pengajian dalam bidang kelayakan profesional untuk menjadi akauntan bertauliah selepas tamat pengajian.	0	4.3	26.1	46.7	22.8	3.88	0.810
7	Akauntan profesional akan menjadi keutamaan pertama saya dalam pemilihan kerjaya saya.	0	5.4	28.3	43.5	22.8	3.84	0.842
8	Peperiksaan profesional amat menakutkan saya.	1.1	1.1	18.5	42.4	37.0	4.13	0.828
9	Peperiksaan profesional mencabar kebolehan saya.	0	0	5.4	60.9	33.7	4.28	0.561
10	Saya berharap untuk lulus semua kertas peperiksaan profesional bagi pertama kali pengambilan sahaja.	0	0	5.4	40.2	54.3	4.49	0.602
11	Saya berasa tidak cukup untuk mempunyai ijazah dalam perakaunan sahaja.	1.1	3.3	34.8	47.8	13.0	3.68	0.783
12	Kelayakan profesional dan kelayakan bukan profesional dinilai secara berbeza oleh orang ramai	1.1	1.1	19.6	57.6	20.7	3.96	0.740
13	Kerja sebagai akauntan bertauliah akan menjamin masa depan kerjaya saya.	0	0	17.4	52.2	30.4	4.13	0.683
14	Bidang profesional yang lain adalah tidak stabil berbanding dengan bidang profesional perakaunan.	6.5	14.1	53.3	18.5	7.6	3.07	0.947
15	Kerja sebagai jurubank tidak	1.1	15.2	53.3	21.7	8.7	3.22	0.849

	fleksibel berbanding kerja sebagai akauntan.							
16	Bidang perakaunan lebih diutamakan berbanding bidang-bidang lain.	1.1	5.4	30.4	46.7	16.3	3.72	0.843
17	Peperiksaan profesional lebih mudah untuk lulus.	18.5	32.6	37.0	12.0	0	2.42	0.929
18	Bidang perakaunan adalah sangat menyeronokkan.	1.1	2.2	15.2	62.0	19.6	3.97	0.733
19	Program perakaunan adalah lebih selamat untuk diikuti berbanding program lain.	2.2	5.4	34.8	46.7	10.9	3.59	0.841
20	Saya bersedia untuk mengambil sijil kelayakan profesional bagi membolehkan saya menjadi akauntan bertauliah.	0	1.1	26.1	52.2	20.7	3.92	0.715

Analisis pada item soal selidik ini dibuat berdasarkan perbandingan min dan peratus bagi skala persetujuan. Dapatan analisis mendapati nilai min yang paling tinggi adalah pada item nombor 10 iaitu 4.49. Skala yang paling tinggi bagi soalan ini adalah pada skala sangat setuju (SS) yang memperolehi 54.3 peratus. Bagi item yang mendapat nilai min sederhana pula soalan 20 iaitu 3.92 dan diikuti soalan 17 yang memperolehi nilai min paling rendah ialah sebanyak 2.42. Bagi 20 item soalan di atas mempunyai nilai sisihan piawai yang berbeza bagi setiap soalan. Perbezaan yang paling tinggi adalah pada item nombor 1 iaitu 0.999. Bagi soalan 10 dan 20 pula perbezaan yang tidak begitu jauh iaitu 0.602 dan 0.715, yang mana perbezaan adalah 0.113. Jika dibandingkan soalan 20 dan 17 pula menunjukkan perbezaannya adalah 0.214.

ii. Minat

Jadual 2  
 Taburan Darjah Persetujuan Responden Bagi Bahagian C (ii)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
1	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana kelayakan ini amat dihargai oleh orang ramai.	0	3.3	15.2	64.1	17.4	3.96	0.678
2	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana akauntan yang memiliki kelayakan profesional lebih dihormati berbanding akauntan yang hanya memiliki ijazah dalam perakaunan.	0	4.3	29.3	51.1	15.2	3.77	0.757
3	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana gelaran profesional diiktiraf di peringkat antarabangsa.	0	3.3	14.1	58.7	23.9	4.03	0.718
4	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana kerja sebagai	3.3	5.4	37.0	37.0	17.4	3.60	0.950

	akauntan adalah lebih fleksibel berbanding dengan kerja profesional yang lain.							
5	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana kerja sebagai akauntan akan mengesahkan kestabilan pekerjaan berbanding dengan kerjaya profesional yang lain.	1.1	6.5	21.7	57.6	13.0	3.75	0.807
6	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana kerjaya sebagai akauntan adalah sangat terjamin.	0	2.2	20.7	62.0	15.2	3.90	0.664
7	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional dalam bidang perakaunan kerana mempunyai peluang yang lebih baik.	0	1.1	8.7	68.5	21.7	4.11	0.583
8	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana akauntan bertauliah akan mempunyai peluang untuk berada dalam kedudukan yang tinggi di sebuah syarikat.	0	0	18.5	57.6	23.9	4.05	0.652
9	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana bidang perakaunan adalah bidang profesional yang menyediakan peluang latihan yang lebih baik.	0	0	10.9	69.6	19.6	4.09	0.548
10	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana bidang perakaunan akan menjamin peluang masa depan yang cerah.	0	2.2	13.0	60.9	23.9	4.07	0.676
11	Saya berminat meneruskan pengajian dalam bidang kelayakan profesional untuk menjadi akauntan bertauliah selepas tamat pengajian.	0	1.1	20.7	54.3	23.9	4.01	0.703
12	Kerjaya sebagai akauntan profesional akan menarik minat saya untuk memahami bidang ini dengan lebih mendalam.	0	1.1	13.0	64.1	21.7	4.07	0.626
13	Saya berminat dengan kerjaya ini kerana peluang untuk memperoleh gaji yang tinggi.	0	1.1	10.9	66.3	21.7	4.09	0.605
14	Saya berminat untuk mengambil sijil profesional kerana ia tidak sukar untuk mendapat kenaikan pangkat.	1.1	7.6	28.3	52.2	10.9	3.64	0.820
15	Latihan yang diberikan sepanjang pengajian dalam bidang perakaunan menarik minat saya untuk menjadi akauntan bertauliah.	1.1	1.1	21.7	58.7	17.4	3.90	0.727

Jadual 2 di atas menunjukkan dapatan bagi darjah persetujuan untuk soalan tahap kesediaan pelajar dari aspek minat iaitu sebanyak 15 item. Kesemua item di atas mempunyai nilai min yang rendah, sederhana dan tinggi bagi mewakili kesemua soalan. Terdapat peratus yang paling tinggi bagi nombor item 7 iaitu sebanyak 68.5% yang menyatakan setuju (S) dan 11 item soalan mempunyai skala yang sama dan paling rendah iaitu 0 peratus pada skala sangat tidak setuju (STS). Tambahan lagi, pada skala kurang setuju (KS) dan setuju (S) bagi semua item 4 di atas terdapat nilai yang sama iaitu 37.0 peratus. Item 7 juga memperoleh nilai min yang tertinggi berbanding 2 item soalan di atas iaitu 4.11. Bagi perbandingan nilai min bagi item 7 dan 11 sangat hampir iaitu 4.11 dan 4.01, yang mana perbezaannya adalah 0.1 sahaja. Manakala nilai sisihan piawai pula, menunjukkan item 4 mendapat nilai yang lebih tinggi berbanding item yang lain iaitu 0.950.

iii. Pengetahuan

Jadual 3  
 Taburan Darjah Persetujuan Responden Bagi Bahagian C (iii)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
1	Pelajar yang memiliki nilai gred kumulatif yang cemerlang agregat (CGPA) sahaja boleh meneruskan peperiksaan perakaunan profesional.	8.7	19.6	40.2	23.9	7.6	3.02	1.048
2	Hanya mereka yang mempunyai ijazah dalam bidang perakaunan boleh meneruskan peperiksaan perakaunan profesional.	5.4	26.1	31.5	30.4	6.5	3.07	1.025
3	Saya boleh mengambil kelayakan profesional kerana mempunyai pengetahuan dalam bidang perakaunan.	0	5.4	15.2	70.7	8.7	3.83	0.656
4	Saya berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke program profesional yang ditawarkan.	0	2.2	16.3	73.9	7.6	3.87	0.559
5	Saya mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang jelas tentang perakaunan.	0	1.1	30.4	63.0	5.4	3.73	0.576
6	Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk digunakan dalam program profesional.	0	2.2	43.5	51.1	3.3	3.55	0.600
7	Saya bersedia untuk mengambil peperiksaan kelayakan profesional	2.2	6.5	34.8	50.0	6.5	3.52	0.805
8	Saya perlu belajar untuk menambah pengetahuan tentang bidang perakaunan.	0	0	12.0	54.3	33.7	4.22	0.643
9	Saya sentiasa bersedia dari aspek pengetahuan untuk menjadi akauntan bertauliah.	0	3.3	28.3	56.5	12.0	3.77	0.697
10	Saya telah menguasai bidang perakaunan.	2.2	6.5	39.1	51.1	1.1	3.42	0.730



Berdasarkan jadual di atas menunjukkan nilai min, sisihan piawai dan darjah peratusan responden bagi 10 item soalan pada tahap kesediaan pengetahuan. Kebanyakan nilai min di atas merupakan nilai dalam 3.00 hingga 4.22 bagi kesemua soalan dalam bahagian C(iii). Pada item nombor 8 mendapat nilai min yang paling tinggi berbanding item yang lain iaitu 4.22. Manakala, nilai sederhana ialah item nombor 5 iaitu 3.73, yang mana perbezaan nilai min antara item 8 dan 5 sebanyak 0.49. Darjah persetujuan paling tinggi bagi item nombor 5 adalah pada skala setuju (S) iaitu 63.0%, seterusnya diikuti 54.3%, bagi item 8. Nilai sisihan piawai bagi item 1 adalah 1.048 adalah nilai yang paling tinggi daripada 10 item. Item nombor 3, 4, 5, 6, 8 dan 9, tiada responden yang menyatakan darjah persetujuan bagi skala sangat tidak setuju (STS).

iv. Kemahiran

Jadual 4  
 Taburan Darjah Persetujuan Responden Bagi Bahagian C (iv)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
1	Saya perlu memiliki kelebihan dari segi kemahiran berbanding pemegang ijazah.	0	0	15.2	67.4	17.4	4.02	0.574
2	Kemahiran dalam bahasa Inggeris memberi kelebihan kepada pelajar perakaunan.	0	0	5.4	54.3	40.2	4.35	0.582
3	Saya mempunyai kemahiran komputer bagi mengendalikan kerja yang diberikan.	0	2.2	6.5	68.5	22.8	4.12	0.608
4	Jika terdapat masalah, saya berani membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah tersebut.	0	1.1	25.0	63.0	10.9	3.84	0.616
5	Kemahiran yang diperoleh sepanjang pengajian membolehkan saya menjadi akauntan bertauliah.	0	0	15.3	71.7	13.0	3.98	0.534
6	Saya mempunyai kemahiran dalam mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam tugas yang diberikan.	0	2.2	21.7	68.5	7.6	3.82	0.592
7	Saya mempunyai kemahiran dalam komunikasi.	0	2.2	17.4	65.2	15.2	3.93	0.643
8	Kemahiran sepanjang latihan industri meningkatkan keyakinan saya untuk menjadi akauntan bertauliah.	0	1.1	12.0	67.4	19.6	4.05	0.600
9	Saya mempunyai kemahiran dalam mengendalikan tugas yang diberikan dengan penyeliaan yang minima.	0	2.2	14.1	72.8	10.9	3.92	0.579
10	Saya percaya dengan kebolehan dan kemahiran yang terdapat dalam diri saya untuk menjadi akauntan bertauliah.	0	1.1	1.1	57.6	40.2	4.37	0.569

Berdasarkan jadual 4, nilai min yang paling tertinggi adalah item 10 iaitu 4.37, darjah persetujuan paling tinggi bagi item tersebut adalah pada skala setuju (S) iaitu 57.6%, diikuti 40.2% bagi skala sangat setuju (SS). Nilai sisihan piawai bagi item 10 pula adalah 0.569 lebih rendah daripada item 6 iaitu 0.592. Nilai min sederhana adalah item 5 iaitu 3.98 seterusnya item 6 adalah nilai min yang terendah iaitu 3.82. Bagi item 6, skala setuju (S) memperoleh 68.5 peratus manakala bagi item 5 pula terdapat skala yang mempunyai nilai peratus yang agak tinggi iaitu 71.7 pada skala yang sama. Selain itu, sisihan piawai bagi 10 item di atas tidak mempunyai jarak yang jauh. Perbezaan bagi sisihan piawai item 10 dan 5 adalah 0.035 manakala perbezaan antara item 5 dan 6 adalah 0.058, yang mana sisihan piawai item 6 lebih tinggi daripada item 5 dan 10.

Semua jadual di atas menunjukkan dapatan analisis daripada borang soal selidik yang dijawab oleh pelajar semester akhir dari UKM. Kebanyakan bilangan respon yang tinggi adalah pada skala kurang setuju (KS), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Antara ketiga-tiga darjah persetujuan tersebut, jumlah persetujuan yang paling tinggi adalah pada skala setuju (S) iaitu 2720, yang ini ditunjukkan pada jadual 5 dibawah. Gambaran jelas tentang tahap kesediaan dari aspek sikap, minat dan pengetahuan pelajar perakaunan UKM ke arah menjadi akauntan bertauliah adalah pada tahap sederhana yang ditunjukkan dalam jadual 6 di bawah. Manakala, tahap tinggi pada kesediaan kemahiran sahaja. Tahap ini ditentukan berdasarkan purata nilai min bagi setiap tahap.

Maka, ramai pelajar memberikan respon yang agak positif terhadap tahap kesediaan mereka ke arah menjadi akauntan bertauliah. Hanya beberapa orang pelajar yang sangat tidak setuju kerana kebanyakan daripada mereka masih tidak mempunyai tahap kesediaan dari aspek sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran yang seharusnya dimiliki oleh pelajar perakaunan yang ingin mengambil kelayakan profesional setelah tamat pengajian. Berdasarkan dapatan tersebut, menunjukkan pelajar belum lagi berada pada tahap kesediaan yang tinggi untuk menjadi akauntan bertauliah kerana aspek kesediaan adalah bergantung kepada diri pelajar itu sendiri dalam membuat pilihan kerjaya. Hal ini disebabkan tahap kesediaan dalam diri pelajar dalam keempat-empat aspek ini diperlukan bagi membolehkan mereka menjurus kepada pemilihan kerjaya akauntan bertauliah.

Jadual 5  
 Taburan Persetujuan Responden Bagi Setiap Tahap Kesediaan

No	Tahap kesediaan	STS	TS	KS	S	SS
1	Sikap	34	111	443	821	431
2	Minat	6	37	261	812	264
3	Pengetahuan	17	67	268	483	85
4	Kemahiran	0	11	123	604	182
	Jumlah	57	226	1095	2720	962

Jadual 6  
 Purata Min Bagi Setiap Tahap Kesediaan

No	Tahap Kesediaan	Min	Tahap
1	Sikap	3.77	Sederhana
2	Minat	3.94	Sederhana
3	Pengetahuan	3.60	Sederhana
4	Kemahiran	4.04	Tinggi

**b. Adakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan pelajar dengan pemilihan kerjaya sebagai akauntan bertauliah dalam kalangan pelajar perakaunan ?**

Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji mengenalpasti hubungan antara tahap kesediaan pelajar dengan pemilihan kerjaya sebagai akauntan bertauliah dalam kalangan pelajar UKM dengan mengambil kira kolerasi antara soalan 2 dalam bahagian B dan setiap item soalan bahagian C. Soalan 2 dalam bahagian B merujuk kepada soalan berkaitan niat pelajar perakaunan untuk mengambil kelayakan profesional. Ini disebabkan oleh, soalan tersebut sesuai untuk melihat samada pelajar bersedia atau tidak untuk mengambil kelayakan profesional bagi membolehkan mereka menjadi akauntan bertauliah. Jadual dibawah menunjukkan dapatan yang diperolehi daripada soalan 2 dalam bahagian B serta jadual berkenaan nilai kolerasi bagi setiap tahap kesediaan.

Jadual 7  
Taburan Darjah Pemilihan Responden Bagi Bahagian B (2)

No	Pernyataan	Bilangan	Peratus
1	Sudah Tentu	41	44.6
2	Mungkin	45	48.9
3	Tidak	6	6.5
	Jumlah	92	100.0

Jadual 8  
Nilai Kolerasi Bagi Setiap Tahap Kesediaan

No	Tahap Kesediaan	Nilai Kolerasi	Hubungan
1	Sikap	-0.148	Tidak langsung
2	Minat	-0.172	Tidak langsung
3	Pengetahuan	-0.047	Tidak langsung
4	Kemahiran	-0.142	Tidak langsung

Hubungan antara tahap kesediaan pelajar dengan pemilihan kerjaya sebagai akauntan bertauliah dalam kalangan pelajar perakaunan adalah tidak langsung kerana dapatan yang diperolehi berdasarkan taburan darjah bagi soalan 2 dalam bahagian B mendapati lebih ramai pelajar yang memberi respon mungkin iaitu tidak pasti untuk mengambil kelayakan profesional. Manakala, darjah persetujuan pelajar dari segi sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran pula menunjukkan sebahagian pelajar yang kurang setuju dan tidak setuju terhadap kesemua tahap kesediaan mereka. Jika di lihat pada kesemua jadual taburan persetujuan pelajar mendapati pelajar sememangnya masih tidak mempunyai kesediaan untuk mengambil sijil profesional ke arah menjadi akauntan bertauliah. Namun, para pelajar juga bersedia untuk belajar serta meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perakaunan bagi membolehkan mereka mempunyai niat untuk mengambil kelayakan profesional dan seterusnya memilih kerjaya sebagai akauntan bertauliah. Justeru itu, sasaran jumlah akauntan bertauliah dari institusi pengajian tinggi di Malaysia pada tahun 2020 dapat dihasilkan mengikut spesifikasi yang diperlukan dan berkualiti.

## Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesediaan yang agak positif ke arah menjadi akauntan bertauliah. Namun begitu, hubungan antara tahap kesediaan pelajar dengan pemilihan kerjaya sebagai akauntan bertauliah dalam kalangan pelajar UKM adalah tidak langsung. Usaha dalam melakukan perubahan dalam bidang pendidikan di Malaysia dari peringkat sekolah sehingga peringkat tertiar harus dilaksanakan bagi memastikan target jumlah akauntan bertauliah pada tahun 2020 adalah 60,000 akan berjaya dicapai. Oleh itu, pelajar perakaunan lebih-lebih lagi dari institusi pengajian tinggi (IPT) perlu memiliki tahap kesediaan dari aspek sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran. Ini disebabkan oleh, keempat-empat aspek tersebut sangat penting dalam melahirkan golongan profesional bagi memastikan permintaan yang dipacu ke arah pertumbuhan yang stabil dan kukuh akan dapat dipenuhi. Hal ini juga adalah seiring dengan matlamat negara dalam mencapai status berpendapatan tinggi dan meningkatkan jumlah golongan profesional yang berkemahiran tinggi.

Walaupun tahap kesediaan dalam diri pelajar perakaunan amat diutamakan bagi menghasilkan jumlah akauntan bertauliah yang ramai, tetapi masih terdapat beberapa kekurangan dalam usaha murni ini dan memerlukan langkah penambahbaikan. Pengkaji telah menyenaraikan cadangan tertentu bagi membantu meningkatkan tahap kesediaan para pelajar perakaunan. Antara cadangan-cadangan sebagai langkah penambahbaikan yang dikemukakan seperti berikut :

- i. Beberapa aspek perlu diperhalusi dan disemak semula, dengan harapan kurikulum akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan seperti pengajaran dan pembelajaran yang lebih praktikal.
- ii. Latihan industri yang dijalankan memfokuskan kepada sektor yang memerlukan akauntan bertauliah.
- iii. Menyediakan lebih banyak maklumat tentang kerjaya sebagai akauntan bertauliah kepada institusi pendidikan.
- iv. Meningkatkan peranan guru atau pengajar bagi menjadi penggalak kepada pelajar untuk mengambil kelayakan profesional dalam bidang perakaunan.
- v. Mewujudkan kursus khas berkaitan kelayakan profesional untuk menjadi akauntan bertauliah.
- vi. Memberi pendedahan kepada pelajar IPT melalui kurikulum yang dijalankan.
- vii. Membudayakan profesion akauntan bertauliah di sekolah.
- viii. Meletakkan syarat graduasi bagi pelajar perakaunan untuk mendaftar sebagai ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA).
- ix. Menawarkan biasiswa kepada pelajar kurang berkemampuan yang ingin mengambil kelayakan profesional dalam bidang perakaunan.
- x. Menggalak penubuhan pusat perakaunan profesional di Malaysia.

## Rujukan

- Amirul Hafiz dan Harlina. 2012. Profesion perakaunan malaysia: memacu pengukuhan perkhidmatan menerusi penilaian semula peraturan.
- Bernama*. 2015. Malaysia perlukan 60,000 akauntan menjelang 2020. 25 mei : 1.
- Che Ruhana, Zakiah dan Ruzita. 2011. Commitment to Change Among Government Accountants in Malaysia. *Laporan Tahunan Malaysian Institute of Accountants*. 2013. file:///C:/Users/user/Documents/Pr0jEk/mia.pdf (2 Februari. 2016)
- Che Juhan Negara, Roslena (2012) *Tahap kesediaan pelajar kejuruteraan Politeknik terhadap keselamatan di dalam bengkel*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Hashanah, Mazlina dan Badriyah. 2014. The Regulation of Accounting Education in Malaysia :Professionalisation of Academia and Academisation of the Profession?
- Kamus Dewan. 2002. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kesediaan>. (10 Mei 2016).
- Khairul Anwar. 2014. Tahap kesediaan guru pelatih institusi pendidikan guru dalam latihan mengajar.
- Kamus Dewan. 2002. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kesediaan>. (10 Mei 2016).
- Khairul Anwar. 2014. Tahap kesediaan guru pelatih institusi pendidikan guru dalam latihan mengajar.
- Mazlina dan Mohammad Hasmawi. 2012. Accounting Students' Perception on Pursuing Professional Examination. *International Journal of Education*. 4(4) : 1-15.
- Marican. 2006. *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves, Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Mokhtar Ismail. 2011. *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP)*, 2009. Jabatan Perdana Menteri: <http://www.pmo.gov.my/GTP/documents/> (4 Februari 2016).
- Pelan Strategik Interim (KPM)*, 2011-2020. Kementerian Pendidikan Malaysia: <http://www.moe.gov.my/pdf/> (6 Februari 2016).
- Rosni dan Siti Fatimah. 2010. *Kesediaan Guru Sekolah Menengah di Daerah Kota Bharu dalam Melaksanakan Sistem Penilaian Prestasi Pelajar Berasaskan Sekolah*.
- Rossen Din. 2010. *Development and Validation of an Integrated Meaningful Hybrid E-Training (I-Met) for Computer Science: Theoretical-Empirical Based Design and Development Approach*. PhD Thesis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Online.
- Statistik Institusi Pengajian Tinggi (KPT)*, 2016. Kementerian Pengajian Tinggi : <https://www.mohe.gov.my/ms/institusi/universiti> (17 November 2016)

Suhaili Hanafi. 2015. Kesiediaan pelajar dari aspek kemahiran teknikal terhadap pembentukan keboleherkerjaan di kolej vokasional wilayah selatan.

Tay Meng Guat, Kirar ak Sare dan Litat Bilung. 2015. Kesiediaan Pelajar Institut Pendidikan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*. 12 (1) : 1-18.

*Utusan Malaysia*. 2012. Pendidikan bertaraf dunia. 12 September : 1.

*Utusan Malaysia*. 2014. Cabaran menambah akauntan bumiputera. 27 Disember : 1.

Wiwik, Diaz dan Tubagus . 2011. Professional accounting education in indonesia : evidence on competence and professional commitment.